



Najwa Alyaa Abd. Wakil
Fakulti Ekonomi dan Muamalat,
Universiti Sains Islam Malaysia

Siti Salwani Abdullah
Fakulti Keusahawanan dan
Perniagaan, Universiti Malaysia
Kelantan

Pengenalan

Proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan yang paling penting ke atas status dan pelbagai peranan kaum wanita. Akibat daripada kedua-dua proses itu, terdapat ramai kaum wanita yang telah menceburkan diri dalam pekerjaan di luar rumah (Adnan, 2017). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa peluang pekerjaan yang ada telah memindahkan wanita dari ruang domestik ke ruang awam di mana mereka memegang pelbagai jawatan dalam sektor tertentu (Bakar, 2012). Justeru itu, terdapat beberapa pekerjaan professional di negara Malaysia seperti pakar sakit puan, doktor perubatan, peguam, akauntan dan doktor gigi telah didominasi oleh kaum wanita (Sidek, 2017). Tambahan pula, kini lebih ramai golongan wanita memainkan peranan penting bukan sahaja dalam keluarga tetapi juga sebagai penggubal dan pelaksana dasar di semua negara dalam dunia ini (Apdal, 2020).

Penularan wabak COVID-19 juga telah memberi impak yang besar dan telah mengubah corak kehidupan manusia

serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik. Pelbagai sektor yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ini, antaranya adalah industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan (Hin, 2020). Menurut (KKM, 2021), sehingga 22 Januari 2021 sejumlah 350 kluster baharu telah dilaporkan dan sebanyak 225 kluster (64.3%) merupakan kluster berkaitan tempat kerja. Menurut (Abdullah, 2021) juga, terdapat 10 kluster baharu telah dikenal pasti pada 26 Februari dan lapan daripada 10 kluster baharu tersebut adalah berpuncak daripada tempat kerja. Oleh sebab itu, bagi pekerja yang masih mempunyai pekerjaan, kerajaan telah melakukan satu inisiatif iaitu dengan mengarahkan majikan bagi membenarkan pekerja mereka untuk bekerja dari rumah (BDR) dan membuat jadual kerja bergilir-gilir bagi mengekang pandemik COVID-19 ini daripada terus menular. Justeru itu, hal ini akan memberi impak dan kesan terhadap wanita bagi mengimbangi pelbagai peranan kehidupan serta kerjaya mereka dalam tempoh pandemik ini. Tambahan pula, menurut Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 oleh Kementerian

COVID-19: REALITI PELBAGAI PERANAN WANITA UNTUK MENGIMBANGI KEHIDUPAN-KERJAYA

Kesihatan Malaysiamerekodkan 2.6 peratus wanita menghadapi masalah kemurungan berbanding lelaki, 2.0 peratus. Oleh sebab itu, daripada data ini jelaslah bahawa kaum wanita lebih banyak menghadapi masalah kemurungan serta tekanan berbanding lelaki dan kemungkinan besar data tersebut akan terus meningkat tambah lagi dengan situasi pandemik kini yang banyak membuatkan wanita mengalami tekanan dengan kepelbagaian peranan mereka ketika ini.

Ulasan Karya

Bahagian ini akan menerangkan hasil-hasil penulisan terdahulu mengenai wanita dan keseimbangan serta wanita dan kerjaya dalam konteks sosial khususnya di Malaysia.

Wanita dan Keseimbangan

Wanita boleh didefinisikan sebagai makhluk yang lembut dan penyayang kerana perasaannya yang halus (Husna et al., 2017). Wanita juga mempunyai tanggungjawab serta peranan yang penting dalam mencorak masa depan negara dan pembangunan keluarga serta

masyarakat. Justeru itu, tanggapan negatif terhadap wanita seperti mereka hanya layak untuk duduk di rumah dan perlu menyiapkan semua urusan rumah haruslah dikikis. Islam juga memerintahkan umatnya untuk memuliakan wanita, baik sebagai ibu, isteri ataupun anak perempuan (Hafidah, 2020). Suatu ketika dahulu, wanita memang tidak kelihatan menonjol sebagai pemimpin masyarakat sama ada dalam urusan politik, ekonomi, keagamaan atau lain-lain lagi (Ismail, 1995). Justeru itu, pada hakikatnya, wanita mempunyai peranan penting dan merupakan antara makhluk yang mendapat rahmat daripada kelahiran Islam. Wanita juga didefinisikan sebagai seorang isteri, kaum ibu ataupun anak perempuan tidak kira mereka bersifat lemah lembut ataupun tidak, juga tidak kira sama ada cantik rupa parasnya atau tidak (Husna et al., 2017). Wanita pada zaman dahulu seperti yang digambarkan di dalam al-Quran, Surah An-Nahl 16: ayat 58-59 yang membawa maksud:

Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya dalam hati.

Dia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang dia beroleh anak perempuan; sambil dia berfikir): Adakah dia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina atau dia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.

Sebelum muncul dan berkembangnya agama Islam, status wanita ketika itu adalah mereka tidak mempunyai hak dan tempat yang layak dalam kalangan masyarakat (Siti Nur Husna Abd Rahman, 2017). Namun kini, dapat dilihat bahawa wanita sebenarnya memainkan peranan yang penting serta besar terutamanya dalam sebuah organisasi kekeluargaan (Nurhafifah Musa, 2018). Hal ini bertepatan dengan sebuah hadis sahih riwayat al-Bukhari: 4789 (Bukhārī, 2004), yang bermaksud:

“Seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya dan ia akan dimintai pertanggungjawabannya. Seorang wanita adalah pemimpin atas rumah suaminya, dan ia pun akan dimintai pertanggungjawabannya.”

Hadis ini menunjukkan bahawa suami dan isteri bertanggungjawab antara satu sama lain dalam memastikan sesebuah institusi kekeluargaan tersebut berada dalam keadaan yang aman dan harmoni. Justeru itu, semua tugas haruslah menjadi tanggungjawab bersama antara suami dan isteri. Hal ini adalah kerana, untuk menjamin kebahagiaan yang berpanjangan dalam sesebuah institusi keluarga, suami dan isteri perlulah memikul tanggungjawab ini bersama-sama. Hal ini dapat dilihat daripada contoh Nabi Muhammad S.A.W yang membantu isterinya Aisyah R.A mengemas rumah, melipat kain dan menjahit baju koyak (Nuraini, 2012).

Oleh sebab itu, wanita juga mempunyai peranan yang penting terutamanya dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan bukannya seperti zaman *jahiliyyah* dahulu yang menganggap bahawa wanita ini tidak layak dan tidak sesuai untuk berada bersama dalam kalangan masyarakat.

Namun kini, dengan peredaran masa dan zaman, peranan wanita sangat penting serta mereka juga mempunyai pelbagai peranan. Peranan wanita yang dikenali sebagai isteri, ibu, serta anak perempuan bukan sahaja hanya terhad di dalam rumah bahkan, mereka juga mempunyai pelbagai peranan yang lain. Hal ini adalah kerana pada masa kini, kos sara hidup yang semakin tinggi membuatkan wanita turut bekerja bagi menyara kehidupan mereka. Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) melaporkan statistik tenaga buruh pada suku pertama tahun 2020 iaitu bulan Januari sehingga bulan Mac terdiri daripada 61.0 peratus lelaki (9.63 juta) dan 39.0 peratus perempuan (6.16 juta). Pada suku pertama tahun 2020 iaitu bulan Januari sehingga 18 Mac adalah sebelum berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. Oleh hal yang demikian, bermula 18 Mac 2020 kakitangan awam perlu Bekerja Dari Rumah (BDR) (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2020). Oleh sebab itu, Bagi wanita yang menjalani tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di rumah, mereka terutamanya yang BDR terpaksa menghadapi beberapa cabaran. Hal ini adalah kerana, wanita yang berkeluarga dan bekerjaya ini perlu menguruskan anak-anak yang masih kecil dan juga perlu menguruskan pembelajaran secara atas talian untuk anak-anak lain yang masih bersekolah.

Justeru itu, wanita perlu pandai dan tahu dalam mencari keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya mereka dalam tempoh pandemik ini. Keseimbangan ini

dapat dicapai apabila seseorang wanita itu memberikan sumber mental, fizikal dan emosi yang agak terhad dengan cara yang sesuai bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Gani, 2019). Seterusnya Gani (2019) menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya yang dimaksudkan adalah 50% kehidupan dan 50% kerjaya. Fahaman beginilah yang menjadikan seseorang individu itu berasa bersalah apabila melebihkan masa di tempat kerja berbanding di rumah atau sebaliknya. Pada hakikatnya, keseimbangan bagi setiap individu itu berbeza, hanya diri atau individu itu sendiri yang mengetahui dan dapat menetapkan keutamaan dalam hidup mereka supaya keseimbangan itu dapat dicapai.

Wanita dan Kerjaya

Menurut Myrdal dan Klein (1956) dalam Beeche (1983) ketika melakukan kajian di negara Britain, fokus kajian mereka adalah mengenai perbezaan corak penglibatan wanita dalam pasaran kerja. Beberapa faktor yang mempengaruhi perbezaan tersebut iaitu (i) perubahan saiz dan struktur keluarga, dan pengurangan tempoh melaksanakan tugas seorang ibu. Seterusnya (ii) ketidakpastian melalui kehidupan berkahwin, yang dimaksudkan adalah, mungkin akan menjadi seorang bala atau janda pada satu hari nanti; dan (iii) jangkaan hayat hidup yang lebih panjang. Faktor dari sudut perubahan sosial dan ekonomi juga mempengaruhi (Bakar, 2012). Dalam kajian yang sama turut menyatakan beberapa faktor yang menghalang wanita daripada menyertai dalam pasaran kerja seperti daripada pandangan tradisi masyarakat yang menganggap bahawa wanita sesuai dan layak menguruskan hal ehwal rumah tangga sahaja. Seterusnya,

wanita yang bekerja turut memberikan pandangan yang negatif kepada majikan. Hal ini adalah kerana, wanita yang berkahwin dan bekerja pada masa yang sama kebiasaananya akan sering meminta cuti atau tidak melakukan kerja pada waktu-waktu tertentu seperti melahirkan anak dan menjaga anak yang masih bayi. Bagaimanapun, ada juga dalam kalangan majikan yang bersikap positif terhadap wanita yang bekerja. Mereka menyediakan banyak kemudahan bagi membantu lebih ramai wanita menyertai pasaran buruh seperti kerja separuh-masa dan kemudahan penjagaan anak-anak.

Berkaitan dengan wanita yang bekerjaya, Leary (1997) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan cara ukuran kerjaya di antara lelaki dan wanita. Lelaki lebih cenderung untuk menggunakan ukuran objektif seperti gaji, pangkat atau kenaikan pangkat bagi menerima dan mencari sesuatu pekerjaan. Menurut Powell & Mainiero (1992), manakala bagi wanita, mereka lebih cenderung menggunakan ukuran subjektif seperti kepuasan peribadi atau kepuasan professional, kualiti yang dirasakan ataupun melalui pertumbuhan atau perkembangan daripada pekerjaan tersebut terhadap diri mereka. Wanita yang ingin mencapai pencapaian yang tinggi, mereka akan lebih memilih dan mementingkan kepuasan kerja mereka terlebih dahulu dalam sesuatu pekerjaan walaupun mencabar, daripada terus maju ke puncak hierarki organisasi (White et al., 1992).

Tiga Kisah

Kisah 1, Suria (bukan nama sebenar) berusia 35 tahun dan beliau merupakan pakar ekuiti teknologi mengadu selalu keletihan. Suaminya seorang pegawai bank tidak berperanan secara aktif dalam kehidupan

rumah tangga mereka. Suaminya tidak memasak, membersihkan rumah, pergi membeli barang runcit ataupun membantu dalam soal membesarkan anak-anak. Suria berterus terang punca keletihannya adalah di rumah, dan bukan dengan majikannya. Kebanyakan kerja di rumah diuruskan oleh beliau. Anak-anak beliau berada pada lingkungan umur persekolahan; iaitu xx bersekolah rendah dan xx bersekolah menengah. Tambahan pula sewaktu pandemik ini, semua sekolah diarahkan untuk penutupan sementara masih dan mereka perlu belajar secara dalam talian. Perkara ini memerlukan perhatian serta pemantauan daripada ibu bapa.

Kisah 2, Dayana (bukan nama sebenar) berusia 40 tahun dan beliau merupakan salah seorang petugas barisan hadapan di salah sebuah pejabat kesihatan di Negeri Sembilan. Tugasan beliau tatkala negara dilanda pandemik COVID-19 pastinya jauh berbeza daripada sebelum ini apabila beliau diperlukan untuk bekerja 12 jam setiap hari tanpa mengira waktu selain mengorbankan cuti hujung minggu. Beliau, yang bertugas di Unit Inspektorat dan Perundangan, bagaimanapun, perkataan putus asa tidak pernah tertulis dalam kamus hidupnya memandangkan ia pengalaman berharga bersama rakan sejawatan dalam membantu negara menangani wabak ini. Walaupun masa beliau bersama keluarga terhad kerana bekerja tanpa mengira waktu, suami beliau sedikit sebanyak membantu dalam meringankan tugas rumah. Menurut beliau, sebagai seorang ibu kepada dua orang anak dan dalam masa yang sama seorang petugas barisan hadapan, dengan waktu yang terhad ini beliau akan pastikan setiap hari akan berbual bersama keluarga dan memastikan anak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru kelas mereka sepanjang tempoh PKP.

Kisah 3, Amira(bukan nama sebenar) berusia 27 tahun dan berstatus bujang. Beliau bekerja sebagai pembantu tadbir di sebuah syarikat swasta di Damansara dan tinggal bersama ibu beliau yang boleh dikategorikan sebagai warga emas serta tidak boleh menguruskan diri sendiri. Ketika penularan pandemik COVID-19, kerajaan telah mengeluarkan kenyataan kepada semua majikan bahawa kelonggaran BDR perlulah diberikan kepada pekerja yang menjaga warga emas. Namun, ini berbeza dengan nasib yang dialami oleh Amira. Hal ini adalah kerana, majikan beliau tidak membenarkan pekerja-pekerja mereka untuk BDR walau apa juga alasan yang diberikan. Oleh sebab itu, beliau terpaksa juga untuk pergi ke kerja seperti biasa dan meninggalkan ibu beliau yang uzur di rumah keseorangan. Hal ini adalah kerana, pusat jagaan harian yang kebiasaannya diantar oleh beliau sebelum ini ditutup ketika waktu pandemik ini kerana bimbang akan penularan penyakit tersebut kepada warga emas yang lain. Oleh sebab itu, beliau perlu memikirkan inisiatif lain seperti perlu pulang ke rumah setiap kali waktu rehat untuk memberi makan dan menukar lampin ibu beliau.

Analisis Kandungan Tiga Kisah

Perbincangan tentang analisis kandungan berikut adalah merujuk kepada tiga kisah yang telah dibentangkan dalam bahagian sebelum ini. Justeru itu, terdapat tiga peranan utama yang dapat dilihat dengan jelas berdasarkan persepsi sosial untuk ketiga-tiga wanita yang bekerjaya dan pelbagai peranan mereka iaitu Suria, Dayana dan Amira dalam mengimbangi kehidupan serta kerjaya mereka ketika tempoh pandemik ini iaitu peranan sebagai seorang ibu, peranan sebagai seorang pekerja dan peranan sebagai seorang anak.

Peranan seorang ibu

Ketika waktunya pandemik ini, tugas seorang wanita yang bekerja dan bergelar ibu bukanlah mudah seperti yang disangka. Berdasarkan kisah 1 dan 2 iaitu Suria dan Dayana dapat dilihat bahawa mereka merupakan seorang pekerja dan pada masa yang sama seorang ibu serta perlu menjaga anak-anak mereka ketika waktunya BDR. Pada waktunya pandemik ini, tambahan pula pada waktunya PKP, semua institusi pendidikan ditutup dan pelajar melaksanakan pembelajaran mereka sepenuhnya secara dalam talian. Oleh hal yang demikian, ini menyebabkan para wanita terutamanya ibu memainkan peranan penting dan perlu memberikan perhatian yang penuh bagi memantau dan memastikan bahawa anak-anak mereka mengikuti kelas secara dalam talian tersebut serta menyiapkan tugas yang diberikan.. Maka jelaslah, para wanita yang bergelar ibu perlu memainkan peranan mendidik anak-anak sekadar termampu agar anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran dalam waktunya pandemik ini (Nobaya dan Haslinda, 2013).

Peranan seorang pekerja

Sewaktu tempoh pandemik ini, terutamanya para wanita yang berjaya serta berkeluarga mempunyai kesukaran masing-masing dalam mengimbangi kehidupan dan kerjaya mereka. Hal ini dapat dilihat dan dirujuk dalam ketiga-tiga kisah di atas. Namun, kisah yang paling berkaitan dapat dilihat di dalam kisah 2 iaitu Dayana yang merupakan salah seorang petugas barisan hadapan. Beliau mendepani saat-saat sukar apabila beliau tidak dapat berjumpa dengan ahli keluarganya dalam tempoh yang lama akibat pandemik COVID-19 tersebut. Tambahan pula, bidang perubatan adalah merupakan bidang yang paling diperlukan ketika ini. Justeru, wanita yang bekerja di dalam lapangan kerja perubatan

memainkan peranan yang sangat penting sebagai seorang pekerja. Para jururawat, doktor dan pegawai perubatan wanita terutamanya perlu memainkan peranan masing-masing sebagai seorang pekerja dengan memberikan rawatan, menguruskan pesakit dan memantau setiap pesakit yang berada di dalam hospital. Justeru itu, wanita yang bekerja dalam bidang perubatan terutamanya perlulah fokus kepada tugas dan peranan mereka sebagai seorang pekerja terlebih dahulu ketika tempoh pandemik ini.

Peranan seorang anak

Peranan wanita sebagai seorang anak ialah wajib berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Seperti di dalam firman Allah di dalam al-Quran, potongan ayat 14 Surah Al-Luqman yang bermaksud:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya;

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa seorang anak wajib menyayangi dan menjaga akan keadaan ibu bapa mereka. Justeru itu, ketika pandemik ini, para wanita yang bekerja mungkin mengalami kesukaran apabila perlu membuat kerja serta menjaga ibu bapa mereka yang sedang uzur di rumah. Hal ini adalah kerana penutupan pusat jagaan orang tua harian disebabkan situasi pandemik. Penutupan pusat jagaan orang tua harian ini telah menimbulkan kesukaran bagi Amira (Kisah 3) dalam melaksanakan perannya sebagai pekerja dan menjaga ibunya. Tetapi beliau mengambil inisiatif dengan pulang ketika waktunya beristirahat bagi memberi ibunya makan serta meminta pertolongan jiran untuk memantau ibu semasa ketiadaannya. Beliau juga berperanan untuk mengelakkan ibu beliau daripada terkena virus ini dengan melakukan sanitasi setiap kali berjumpa. Hal ini adalah kerana warga emas mempunyai risiko lebih

tinggi untuk mendapat jangkitan Covid-19 berbanding orang muda. Oleh sebab itu, seorang anak perlulah menyantuni dan menjaga ibu bapa mereka dalam apa jua situasi serta memikirkan solusi jika terdapat permasalahan berkaitan ibu bapa yang timbul.

Kesimpulan

Wanita mempunyai pelbagai peranan dalam mengimbangi kehidupan dan kerjaya dalam situasi penularan pandemik wabak COVID-19 ini. Peranan mereka sebagai ibu, anak dan pekerja dalam situasi pandemik ini haruslah diseimbangkan. Namun, keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan bukanlah satu konsep yang mudah dan sempurna. Oleh sebab itu, kepelbagaian peranan wanita dan cara mereka bagi mengimbangi kehidupan dan kerjaya tersebut perlulah diberikan perhatian. Keseimbangan ini haruslah dilihat dalam skop yang lebih lebar dan luas agar perkara ini bukanlah satu keperluan kepada mereka yang telah berkahwin semata-mata bahkan penting kepada wanita yang belum berkahwin.

Justeru itu, segala konflik keseimbangan antara kerja dan kehidupan boleh diatasidengansikapindividuitusendiri serta semangat kerjasama dan kepekaan dari pelbagai pihak bagi membantu wanita dalam mengimbangi kehidupan dan kerjaya mereka dalam tempoh pandemik ini. Antara solusinya adalah, individu wanita itu sendiri perlulah mencari inisiatif lain bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka sendiri dengan menulis dan membuat perancangan harian bagi menyeimbangkan antara kehidupan dan kerjaya mereka. Seterusnya, wanita juga memerlukan bantuan daripada pelbagai pihak, seperti suami, perlulah membantu isteri melakukan kerja-kerja rumah walaupun sedikit jika mereka tiada perkara penting lain yang perlu diselesaikan. Selain itu, dalam situasi pandemik ini, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, masyarakat yang juga sebagai jiran tetangga perlulah saling membantu di antara jiran jika mereka memerlukan bantuan. Seorang majikan juga perlulah memikirkan dan menjaga kebajikan pekerja mereka dengan memberi kelonggaran kepada pekerja mereka yang menjaga warga emas dalam situasi pandemik ini serta sekaligus dapat membantu mengelakkan daripada penularan wabak virus tersebut kepada golongan yang berisiko tinggi ini.

Rujukan

Al-Quran.

Abdullah, N. H. (2021, February 26). *8 dari 10 kluster baru hari ini babitkan tempat kerja*. Retrieved from Free Malaysia Today: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/02/26/8-dari-10-kluster-baru-hari-ini-babitkan-tempat-kerja/>

Ali, F. (1996). Pandangan Islam terhadap wanita bekerja. *Jurnal Usuluddin*, 157-190.

Apdal, D. S. (2020, March 9). *Peranan wanita kini lebih penting dalam pelbagai sektor*. Retrieved from Utusan Borneo: <https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/09/peranan-wanita-kini-lebih-penting-dalam-pelbagai-sektor>

- Bakar, N. R. (2012). Wanita bekerja dan pengurusan keluarga (working women and the management of family). *Geografia*, 8(7), 155-162.
- Barbara White, C. C. (1992). *Women's career development: A study of high flyers*. Oxford: Balckwell Business.
- Borneo, U. (2020, May 10). *Salam dan pujian kepada para ibu di barisan hadapan semasa pandemik COVID-19*. Retrieved from Utusan Borneo Online: <https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/10/salam-dan-pujian-kepada-para-ibu-di-barisan-hadapan-semasa-pandemik-covid-19>
- Gani, F. A. (2019, July 22). *Keseimbangan dalam pekerjaan dan kehidupan: Realiti atau fantasi?* Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keseimbangan-dalam-pekerjaan-dan-kehidupan-realiti-atau-fantasi-213205>
- Gary N. Powell, L. A. (1992). Cross-Currents in the River of Time: Conceptualizing the Complexities of Women's Careers. *Journal of Management*, 18(2), 215-237.
- Hafidah, S. (2020, November 28). *Islam gariskan panduan jaga kehormatan wanita*. Retrieved from Ismaweb: <https://ismaweb.net/2020/11/28/islam-gariskan-panduan-jaga-kehormatan-wanita/>
- Halid, S. (2020, April 24). *Cabaran ibu bekerja dari rumah*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2020/04/680966/cabaran-ibu-bekerja-dari-rumah>
- Hassan, A. A. (1996). Islam dan Wanita. *Jurnal Usuluddin*, 105-116.
- Hin, P. D. (2020, November 30). *Kesan COVID-19 kepada manusia dan alam*. Retrieved from UMS: <https://www.ums.edu.my/vc/en/collections/news-cutting/40-vcs-page/articles/798-kesan-covid-19-kepada-manusia-dan-alam>
- Ismail, A. A. (1995). *Tindak Balas Wanita Dalam Rumah Tangga*. Kuala Lumpur: MajuJaya Indah Sdn. Bhd.
- KKM. (2021, January 23). *PENINGKATAN KLUSTER-KLUSTER BERKAITAN TEMPAT KERJA YANG MEMBIMBANGKAN*. Retrieved from COVID-19: <http://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/01/peningkatan-kluster-tempat-kerja-23012021>
- Leary, O. (1997). Developing a new mindset: the 'career-ambitious' individual. *Women in Management Review*, 12(3), 91.
- Majid, N. H. (2009, May 7). Mengimbangi Peranan Wanita: *Isteri, Ibu dan Pekerja*. Retrieved from Scribd: <https://www.scribd.com/doc/15054666/peranan-wanita-sebagai-isteri-pekerja-dan-ibu>

Malaysia, J. P. (2020, May 8). *STATISTIK UTAMA TENAGA BURUH, MALAYSIA, SUKU PERTAMA (S1)*. Retrieved from DOSM: <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=cDMxVXItS09wUm1uNzQvY2k0bzZ4UT09>

Malaysia, J. P. (2020, Mac 17). *Urusan Pengurusan Sumber Manusia Selaras Dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Mulai 18 Mac 2020 sehingga Tarikh yang Ditetapkan oleh Pihak Kerajaan*. Retrieved from Jabatan Perkhidmatan Awam: https://docs.jpa.gov.my/docs/se/2020/soalan_lazimse1732020.pdf

Nobaya Ahmad, H. A. (2013). Malaysian women and their role as the sandwiched generation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 147-162. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/28249/1/13%20Page%20147-162.pdf>

Nor, L. M. (2020, June 17). *Benarkan penjaga warga emas bekerja dari rumah*. Retrieved from Universiti Putra Malaysia: https://myageing.upm.edu.my/artikel/benarkan_penjaga_warga_emas_bekerja_dari_rumah-57115

Nuraini, N. (2012, February 27). *Rasulullah Membantu Melakukan Kerja Rumah*. Retrieved from Wordpress: <https://nasbunnuraini.wordpress.com/2012/02/27/rasulullah-membantu-melakukan-kerja-rumah/>

Rahman, A. H. (2010). Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal AlQuran. *Journal of Governance and Development*, 6, 14-21. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/42979275.pdf>

Sibai, M. (1988). *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*. Selangor: Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.

Siti Nur Husna Abd Rahman, M. I. (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal oF Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-16.

Suria, A. (2020, October 21). *Covid-19 ubah peranan wanita dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia*. Retrieved from Malaysia Now: <https://www.malaysianow.com/berita/2020/10/21/covid-19-ubah-peranan-wanita-dalam-pertumbuhan-ekonomi-malaysia/>

Teik, C. K. (2020, November 25). *Kenapa kes Covid-19 masih tinggi walaupun PKPB?* Retrieved from Malaysia Kini: <https://www.malaysiakini.com/news/552433>

V, B. (1983). *The changing experience of women*. Milton Keynes: Open University Press.

Yahaya, A. (2008). *Sejarah Sikap Pemeliharaan Kanak-Kanak: Stail Kekeluargaan, Pendidikan Kekeluargaan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/6032/1/bukukeluarga.pdf>